

**NO. SOALAN : 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS,  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
ANNUAR BIN MUSA [ KETEREH ]**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar Bin Musa [ Ketereh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap pemilikan ekuiti Bumiputera mengikut sektor pada tahun 1981 hingga 2003. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera di bawah agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat mengikut sektor yang tersedia dan dapat dikemukakan ialah bagi tahun 1990, 1995, 1999 dan 2002 sahaja. Pecahan maklumat bagi tahun-tahun berkenaan adalah seperti berikut:

### **Pemilikan Ekuiti Bumiputera Bagi Hak Milik Modal Saham (Pada Nilai PAR) Dalam Sektor Korporat Mengikut Sektor bagi Tahun 1990, 1995, 1999 dan 2002**

<b>Sektor</b>	<b>Tahun</b>			
<b>(%)</b>	<b>1990</b>	<b>1995</b>	<b>1999</b>	<b>2002</b>
<b>Pertanian</b>	19.1	16.5	28.5	28.3
<b>Perlombongan</b>	-	-	-	19.9
<b>Pembuatan</b>	9.2	13.0	12.5	10.5
<b>Utiliti</b>	-	-	-	12.4
<b>Pembinaan</b>	27.8	26.0	26.5	24.5
<b>Perdagangan Borong &amp; Runcit</b>	14.5	16.0	-	13.8
<b>Pengangkutan</b>	32.7	31.0	24.2	23.6
<b>Kewangan</b>	15.1	21.0	-	20.7
<b>Lain-Lain</b>	-	-	-	16.1
<b>Jumlah</b>	<b>19.3</b>	<b>20.6</b>	<b>19.1</b>	<b>18.7</b>

Sumber:

1990 RMKe-7, T10-10, muka surat 93-94

1995 RMKe-8, T9-9, muka surat 67

1999 RMKe-8, T9-9, muka surat 67

2002 Kajian Separuh Penggal RMKe-8, T11-11, muka surat 69

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang diambil melalui program-program yang digubal berasaskan pelan tindakan pemilikan kekayaan Bumiputera dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera di bawah agenda pemeraksanaan ekonomi Bumiputera adalah seperti berikut:

- (i) program pengukuhan ekuiti korporat oleh Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS). Sehingga tahun 2015, EKUINAS telah melabur ke atas 46 bilangan pelaburan langsung dan program penyumberan luar dengan nilai pelaburan sebanyak RM2.8 bilion dan telah meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera sebanyak 1.6 kali ganda modal dilabur. Selain itu, EKUINAS dengan kerjasama Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah melaksanakan program Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJJB). Program ini bertujuan memberi sokongan nasihat dan bantuan holistik kepada syarikat Bumiputera bermodal pasaran kecil dan sederhana untuk berkembang menjadi syarikat yang lebih besar. Sehingga tahun 2015, syarikat tersenarai awam SJJJB telah meningkatkan modal pasaran sebanyak RM1.5 bilion; dan
- (ii) memperluas strategi pelaburan melalui penggembleran simpanan Bumiputera oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) melalui tabung amanah saham seperti Amanah Saham Nasional, Amanah Saham Bumiputera, Amanah Saham 1Malaysia, Amanah Saham Bumiputera 2 di samping, memperkenalkan mekanisme pembiayaan baharu bagi aset kewangan melalui pengeluaran Akaun 1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk pembelian unit ASB2. Dana pelaburan wakaf dan ekuiti persendirian juga akan diwujudkan melalui dana awam untuk melabur dalam syarikat

berpotensi tinggi dan menguntungkan serta menguasai kepentingan syarikat terkemuka seperti perkhidmatan kewangan, perladangan dan hartanah.

Di samping itu, Kerajaan turut melaksanakan strategi dan inisiatif dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat seperti:

- (i) memperkenalkan mekanisme pembiayaan baharu bagi aset kewangan dengan mewujudkan dana pelaburan wakaf dan ekuiti persendirian melalui dana awam untuk melabur dalam syarikat berpotensi tinggi dan menguntungkan;
- (ii) meningkatkan pelupusan aset dan aktiviti bukan teras syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) kepada usahawan Bumiputera. Inisiatif ini dilaksanakan melalui penyediaan bimbingan dan latihan bersasar secara berterusan kepada Bumiputera dan akan dibantu oleh institusi kewangan dari segi kecairan aset;
- (iii) mempertingkatkan pelaksanaan program pembangunan keusahawanan di peringkat permulaan, mikro, kecil dan sederhana melalui agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional; dan
- (iv) mempertingkatkan usaha mengenalpasti dan membangunkan sistem yang mempunyai potensi keusahawanan secara bersepadu dengan membantu menyediakan program latihan yang sesuai, keperluan modul dan premis serta program pengembangan melalui

agensi seperti TERAJU dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB).

- (v) Menyediakan KPI agenda pemeraksanaan Bumiputera bagi semua kementerian dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) supaya agenda ini dapat dihayati dan benar-benar dicapai.

Kerajaan yakin bahawa melalui langkah-langkah ini dapat membantu meningkatkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dalam sektor korporat untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30% pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK RAIME BIN UNGGI**  
**TARIKH** : **17.10.2016**  
**SOALAN** : **NO. 19**

**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha mengekang penularan pengaruh kumpulan militan DAESH di kalangan penuntut Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini memandang serius dan peka terhadap aktiviti DAESH yang melibatkan mahasiswa/mahasiswi Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia. Kerjasama erat dengan pihak berkuasa seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta agensi penguatkuasa yang lain telah dilakukan dan akan sentiasa diteruskan bagi memastikan kebajikan dan keselamatan mahasiswa/mahasiswi terjamin di samping memberikan suasana pembelajaran yang lebih kondusif di IPT.

Kementerian telah mengambil beberapa langkah proaktif bagi meningkatkan tahap keterlibatan (*engagement*) dan tahap kesedaran mengenai DAESH di kalangan mahasiswa/mahasiswi. Antara usaha yang dilakukan untuk mengekang penularan pengaruh kumpulan militan DAESH di kalangan penuntut Institusi Pengajian Tinggi (IPT) adalah seperti berikut:-

- (a) Meningkatkan sesi keterlibatan (*engagement*) seperti taklimat dan dialog dengan PDRM serta agensi-agens penguatkuasa yang lain;
- (b) Memberi penjelasan mengenai aktiviti DAESH dalam program-program yang melibatkan pelajar di IPT;

- (c) Meningkatkan tahap tapisan keselamatan untuk kemasukan para pelajar dan tenaga pengajar asing; dan
- (d) Memantapkan prosedur keselamatan sedia ada di peringkat IPT sebagai langkah pencegahan awal.

Selain itu, sebagai satu usaha yang bersepadu dengan pihak penguatkuasa yang berkaitan dalam menangani isu kedatangan pelajar antarabangsa ke Malaysia, KPT telah memperkenalkan Education Malaysia Global Services (EMGS), sebagai sebuah Syarikat Berhad Mengikut Jaminan (SBMJ – *Guaranteed Limited Company* yang bukan berasaskan keuntungan) yang diletakkan di bawah kawalseliaan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menjalankan fungsi pemasaran, promosi dan pengurusan perekrutan pelajar antarabangsa ke Malaysia. Setiap permohonan visa hendaklah dibuat melalui EMGS

EMGS adalah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan langkah-langkah preventif dan konsisten melalui saringan permohonan visa pelajar antarabangsa sebelum pelajar tersebut memasuki Malaysia atau diberikan pas pelajar oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). EMGS akan memastikan semua pemohon telah mematuhi semua syarat yang telah dikuatkuasakan oleh semua agensi yang berkaitan. Langkah tersebut adalah sebagai satu medium kawalan KPT untuk memelihara kualiti pelajar antarabangsa yang menjalani Pengajian mereka di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

Kementerian juga sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya dalam keadaan di mana PDRM perlu mengambil tindakan ke atas pelajar dan warga yang terlibat dengan aktiviti DAESH ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD  
AKIN [BUKIT KATIL]**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2016 (ISNIN)**

**SOALAN : 20**

**Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap Rusia susulan dapatan Pasukan Penyiasat Bersama bahawa pesawat MH17 telah ditembak jatuh dengan peluru berpandu yang telah dibawa dari Rusia dan bilakah Kerajaan akan memperakui (*ratify*) Arms Trade Treaty yang dilihat sebagai satu instrumen perundangan untuk menghalang penyeludupan senjata haram termasuk peluru berpandu.



## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak *Joint Investigation Team* (JIT) melalui pembentangan hasil interim siasatan jenayah nahas pesawat MH17 pada 28 September 2016 tidak menyalahkan mana-mana negara yang bertanggungjawab dalam menembak jatuh pesawat MH17. Buat masa ini, siasatan berhubung pelaku-pelaku jenayah berhubung nahas penerbangan MH17 sedang dijalankan oleh JIT.

Berhubung ratifikasi terhadap *Arms Trade Treaty* yang dilihat sebagai satu instrumen perundangan untuk menghalang penyeludupan senjata haram termasuk peluru berpandu oleh Kerajaan, Malaysia hanya bersedia untuk meratifikasi Triti tersebut sebaik sahaja proses pelaksanaan segala kerangka perundangan, dasar dan hal ehwal pentadbiran yang berkaitan diselaraskan sepenuhnya.